

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN  
KAWASAN : TANJONG MALIM  
TARIKH : 12.11.2014 (RABU)  
NO. SOALAN : 21

YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah kaedah dan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan daya saing negara supaya negara kita tetap akan menjadi pilihan utama bagi pelabur-pelabur dari luar negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Prestasi Malaysia dalam beberapa laporan daya saing antarabangsa mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan. Ini termasuk seperti yang dilaporkan dalam:

- (i) *Global Competitiveness Report (GCR) 2014-2015*, yang diterbitkan oleh *World Economic Forum (WEF)* di kedudukan ke-20 di kalangan 144 negara;
- (ii) *World Competitiveness Yearbook (WCY) 2014* oleh *Institute for Management Development (IMD)*, di kedudukan ke-12 daripada 60 ekonomi; dan
- (iii) *Laporan Doing Business (DB) 2014* yang diterbitkan Bank Dunia menempatkan Malaysia di tangga ke-6 daripada 189 ekonomi.

2. Usaha berterusan akan dilaksanakan melalui kerjasama rapat di antara sektor awam dan swasta di bawah Pasukan Petugas Khas Pemudahcara (PEMUDAH) bagi memudahkan lagi urusan perniagaan di Malaysia. Inisiatif yang telah diperkenalkan oleh PEMUDAH telah menambahbaik kedudukan aspek-aspek yang diukur oleh badan-badan penarafan antarabangsa seperti dalam teras-teras 'Memulakan Perniagaan', 'Urusan Permit Pembinaan', 'Mendapatkan Kredit', dan 'Pembayaran Cukai'. Sebagai contoh, penambahbaikan ketara telah dicapai dalam teras 'Memulakan Perniagaan' yang diukur oleh Bank Dunia di dalam Laporan Doing Business, di mana Malaysia telah mencatatkan peningkatan kedudukan dari 54 kepada kedudukan ke-16.

3. Antara inisiatif utama yang telah diperkenalkan oleh PEMUDAH ialah inisiatif untuk Memodenkan Pelesenan Perniagaan (dengan izin, *Modernising Business Licensing* atau MBL) yang telah dilaksanakan sejak Mac 2010. Matlamat utama adalah untuk menghapuskan lesen yang tidak perlu dan memudahkan prosedur perniagaan di negara ini. Pada masa yang sama MPC juga memantau pelaksanaan dan mengkaji semula semua prosedur yang berkaitan dengan permohonan lesen perniagaan di bawah 23 Kementerian melalui Kumpulan Fokus bagi Perekayasaan Semula Proses Perniagaan (dengan izin, *Focus Group on Business Process Re-engineering* atau FGBPR). Sehingga September 2014, sebanyak 735 lesen perniagaan telah dikaji semula dan dikurangkan kepada 454 lesen manakala, 17 lesen telah dimansuhkan. Permohonan bagi 156 lesen pula telah diautomasikan di bawah Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS) bagi membantu syarikat mendapatkan lesen-lesen perniagaan dengan lebih cekap dan teratur menggunakan dengan izin, *virtual one-stop centre*.

Tuan Yang Dipertua,

4. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah bagi meningkat daya saing negara sebagai pusat pelaburan utama. Ini termasuk:

- (i) melaksanakan liberalisasi autonomous secara berperingkat ke atas 45 sub-sektor perkhidmatan semenjak 2009;
- (ii) memeterai perjanjian perdagangan bebas atau dengan izin, *Free Trade Agreement* (FTA) bagi menggalakkan rakan dagang FTA untuk lebih melabur di Malaysia dan meningkatkan eksport negara;
- (iii) mengadakan misi-misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara, termasuk misi pelaburan khusus bagi menarik pelaburan langsung asing di dalam sektor-sektor tertentu; dan
- (iv) melaksanakan, dengan izin, *SME Master Plan 2012-2020* untuk membangunkan lagi perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana.

5. Kerajaan akan terus memantau prestasi negara dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mempertingkatkan lagi daya saing negara dari semasa ke semasa untuk penambahbaikan dalam bidang-bidang yang berkaitan. Inisiatif-inisiatif berterusan ini akan memastikan negara kekal menjadi pilihan utama bagi pelabur-pelabur dari luar negara. Ini dapat dilihat apabila jumlah pelaburan asing diluluskan bagi tempoh Januari-Jun 2014 telah mencatatkan angka yang memberangsangkan, iaitu RM40.8 bilion berbanding RM30.7 billion bagi tempoh yang sama pada tahun 2013.